

03 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (saksi)

SIASATAN POLIS TERHADAP ANWAR BERMULA 1992

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Polis menjalankan siasatan berhubung dakwaan salah laku seks oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1992 menerusi operasi yang dinamakan "Solid Grip", kata Pengarah Cawangan Khas Polis Datuk Mohd Said Awang di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Mohd Said berkata beliau menemui timbalannya Datuk Amir Junus dan seorang lagi pegawai, ACP Mazlan Mohamed Zain, yang memberi taklimat mengenai operasi itu kepadanya di bilik VIP Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada 10.30 malam 10 Ogos tahun lepas.

Kedua-dua pegawai itu memberitahunya mengenai sepucuk surat mengandungi dakwaan salah laku seks oleh anwar dan menerangkan kepada beliau bahawa surat itu dalam proses untuk diserahkan kepada Perdana Menteri.

Mohd Said, yang sedang bercuti sebelum bersara pada 17 Nov ini, merupakan saksi pertama dalam perbicaraan kes terhadap Anwar, 51, yang menghadapi empat tuduhan rasuah berhubung campur tangan dalam penyiasatan polis.

Mohd Said yang memberi keterangan dalam bahasa Inggeris, berkata bahawa selepas taklimat itu, beliau memberitahu kedua-dua pegawai berkenaan supaya menemui beliau di pejabatnya pada pagi keesokannya untuk membincangkan perkara itu.

Pada keesokannya, mereka datang untuk memberi taklimat kepadanya dan beliau mengarahkan mereka supaya menjelaskan perkara itu kepada Ketua Polis Negara manakala beliau pergi ke pejabat Anwar untuk menghadiri satu taklimat yang dijadualkan berhubung perkara lain.

Mohd Said, yang mula memberi keterangan pada 3.05 petang, berkata beliau memberi taklimat kepada Anwar mengenai perkara lain seperti yang diarahkan oleh Anwar, yang ketika itu pemangku Perdana Menteri.

"Selepas taklimat itu, Anwar meminta saya menemuinya secara bersendirian. Saya menemui Anwar secara bersendirian dan Anwar memberitahu saya mengenai sepucuk surat mengandungi tuduhan liar terhadapnya dan beliau meminta saya menyiasat perkara itu. Saya beritahunya saya akan menyiasat perkara ini," katanya.

Mohd Said berkata bahawa selepas pertemuannya dengan Anwar, beliau menemui Ketua Polis Negara untuk menerangkan kepadanya mengenai permintaan Anwar itu.

Beliau berkata bahawa pada satu perbincangan dengan Amir dan Mazlan di pejabatnya pada 3 petang keesokannya, beliau diberitahu mengenai sepucuk surat yang ditulis oleh seorang wanita.

"Saya diberitahu mengenai kandungan surat itu dan kami berbincang kenapa surat itu ditulis dan perkara-perkara lain berkaitan surat itu."

Mohd Said berkata bahawa pada masa itu beliau diberitahu bahawa surat itu telah diedar tetapi tidak secara meluas.

Pada 4.40 petang hari yang sama, mereka menemui KPN dan menjelaskan kepadanya apa yang mereka tahu setakat itu mengenai surat berkenaan.

Katanya KPN memberitahu mereka supaya mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai surat itu yang ditunjukkan kepada beliau sebelum itu pada hari yang sama.

Surat bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengandungi tuduhan mengenai salah laku seks Anwar.

Apabila Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail menyoal

Mohd Said siapa yang menulis surat itu, ia dibantah oleh Gurbachan Singh, seorang daripada sembilan peguam bela.

Mahkamah membenarkan bantahan itu tetapi Gani mengubah soalnya dan bertanya : "Menurut surat itu, siapakah penulisnya?"

Mohd Said: Orang yang menulis surat itu ialah Ummi Hafilda.

Gani: Daripada siasatan kamu, adakah kamu dapati siapa yang menulis surat itu?

Gurbachan: Bantahan.

Mahkamah membenarkan bantahan itu.

Terdahulu ketika memulakan kes terhadap Anwar, Gani memberitahu mahkamah Pendakwa Raya akan mengemukakan bukti yang melampaui sebarang keraguan yang munasabah bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu telah menggunakan kedudukannya untuk kepentingannya sendiri.

Katanya perkara-perkara yang membawa kesalahan yang dilakukan berpunca daripada surat bertarikh 5 Ogos 1997 daripada Ummi Hafilda binti Ali kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan perihal salah laku Anwar dan pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar, dan satu surat bertajuk "Talqin Terbuka Untuk Anwar Ibrahim.

Gani berkata pendakwaan akan membuktikan bahawa Anwar telah mengambil pelbagai tindakan untuk menafikan kandungan surat-surat dan pengakuan bersumpah berkenaan dengan cara menggunakan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia.

Beliau berkata, Anwar telah berjumpa Pengarah Cawangan Khas, Datuk Mohd Said Awang dan Timbalan Pengarah Cawangan Khas II, Datuk Amir Junus di kediaman rasminya dan mengarahkan mereka supaya memperolehi surat-surat penafian daripada Ummi Hafilda dan Azizan, masing-masing bertarikh 18 Ogos, 1997 dan 29 Ogos 1997.

"Surat-surat ini telah kononnya menafikan kandungan surat pertama dari Ummi Hafilda bertarikh 5 Ogos 1997 serta pengakuan bersumpah Azizan," katanya.

Mahkamah sebelum itu menolak permohonan Raja Aziz Addruse, peguam bela utama kepada Anwar, untuk menangguhkan perbicaraan sehingga selesai rayuan terhadap penolakan oleh mahkamah yang sama berhubung bantahan pihak pembelaan berkaitan Ordinan 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970.

Raja Aziz berkata mahkamah perlu menangguhkan prosiding kerana mereka ingin merayu terhadap keputusan Augustine semalam bahawa keempat-empat tuduhan rasuah terhadap Anwar adalah sah.

Anwar mempunyai masa 14 hari untuk merayu terhadap keputusan mahkamah itu.

Peguam bela berkata pemansuhan ordinan itu oleh Dewan Rakyat pada 22 Okt merupakan isu prosedur dan yang perlu ditentukan sebelum perbicaraan bermula ialah sama ada ia satu salah guna kuasa atau tidak.

Gani berkata mahkamah tidak ada lagi isu berkenaan kerana keputusan telah dibuat.

Hari ini, Augustine juga menjelaskan bahawa perintah mahkamah yang tidak membenarkan Majlis Peguam bertindak sebagai pemerhati dalam kes itu masih kekal.

Anwar dibawa masuk ke mahkamah pukul 2.06 petang dan terus memeluk ibunya Datin Che Yan Hamid, isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan kenalannya dari Indonesia, Dr Adnan Buyung Nasution dari International Commission of Jurists.

Sebelum itu, mahkamah membenarkan peguam C.V.Prabhakaran bertindak sebagai peguam pemerhati bagi empat saksi pendakwaan iaitu Azmin Ali, Mohd Azman Ali, Shamsidar Taharin dan Halimatul Saadiah.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA

NHD SBB MAI

